

02 JUN 1998

NZ-TPM/I

TIMBALAN PERDANA MENTERI NEW ZEALAND AKAN LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri New Zealand Winston Peters, akan mengetuai rombongan ketua-ketua perniagaan dan pegawai kerajaan atas jemputan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam lawatan rasmi selama tiga hari ke Kuala Lumpur bermula pada 15 Jun, 1998.

Satu kenyataan daripada Suruhanjaya Tinggi New Zealand menyatakan rombongan itu yang akan mewakili kedua-dua kepentingan politik dan perniagaan, menekankan kepentingan New Zealand yang berkaitan dengan hubungan negara itu dengan Malaysia.

Malaysia adalah rakan dagangan ke-10 terbesar New Zealand.

Sepanjang lawatan ke Malaysia, Peters akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Anwar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan and pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain.

Di samping itu, beliau akan menyampaikan ucap-tama di "Seminar Rakan Kongsi Asia Pasifik Malaysia - New Zealand" pada 16 Jun, 1998.

Beliau juga dijangka melawat kilang Produk Susu New Zealand di Shah Alam, menyertai promosi "teknologi pintar" keluaran New Zealand di rangkaian stesen petrol utama dan menyaksikan permeterian perjanjian langit terbuka antara Malaysia dan New Zealand.

Beliau juga akan melawat Pulau Pinang dan mengunjungi Ketua Menteri Tan Sri Koh Tsu Koon serta melawat Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang (PKPP).

BERNAMA

DVS ZK MA